

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 01 APR 2016

Berjaya kumpul RM20,000 untuk Ecah



Awaluddin (tengah) bersama peserta kayuhan amal mengambil gambar kenangan bersama Ecah dan keluarga.

SUNGAI PANJANG – Lebih RM20,000 berjaya dikumpulkan pada Program Kayuhan Basikal Amal untuk disumbangkan kepada pelajar tingkatan 1, Siti Nuraisyah Sahrin, 13, yang putus kedua-dua kakinya akibat digilis lori pasir awal tahun lalu.

Program itu dianjurkan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dengan kerjasama daripada jabatan-jabatan lain termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD), Pejabat Kesihatan dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Sabak Bernam.

Setiausaha MDSB, Awaluddin Zakaria berkata, objektif utama

program kayuhan amal itu untuk mengumpul sumbangan kepada Siti Nuraisyah atau lebih dikenali sebagai Ecah bagi membiayai pelbagai keperluan remaja itu terutamanya dalam pendidikan.

"Kita ingin menunjukkan rasa simpati penduduk Sabak Bernam dan seluruh negeri Selangor kepada Ecah dan keluarga yang ditimpa musibah dalam kejadian yang hampir meragut nyawa anak gadis ini," katanya.

Menurut Awaluddin, setakat ini, pelbagai pihak menyampaikan sumbangan termasuk daripada syarikat-syarikat korporat, jabatan kerajaan, badan bukan

kerajaan (NGO) dan individu pengayuh basikal sendiri.

"Kita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Perbandaran Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSBN) yang turut memberi sokongan kepada program ini," katanya.

Awaluddin berkata, di samping itu juga, program kayuhan yang dijalankan itu merupakan salah satu usaha MDSB mempromosi pelancongan sukan di

daerah ini dengan menentang laluan kayuhan yang menarik kepada penggemar sukan basikal.

Peserta dari Kampung Perenggan, Sungai Air Tawar, Mohd Shafie Ahmad Muslim, 26, berasa bertuah kerana dapat menyertai program kayuhan amal itu, selain dapat menyumbang sesuatu kepada Ecah.

"Saya teruja kerana dapat rasai sendiri keseronokan mengayuh basikal selain terharu dengan ketabahan dan kesungguhan Ecah menghadapi ujian ALLAH," katanya.